

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(VIII)7**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PINANG  
YB. LIM SIEW KHIM**

7. Program pendidikan awal kanak-kanak anjuran Tabika KEMAS memberi peluang pendidikan awal bagi kanak-kanak yang berumur 4 hingga 6 tahun.
- (a) Berapakah jumlah kanak-kanak dan bilangan Tabika KEMAS di seluruh Pulau Pinang?
- (b) Apakah pencapaian prestasi selama ini dan apakah rancangan jangka panjang / jangka pendek yang akan dilaksanakan untuk meningkatkan lagi prestasi Tabika KEMAS?

**YB. CHONG ENG  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

7. (a) Terdapat sebanyak 327 Taman Bimbingan Kanak-Kanak (TABIIKA) KEMAS di Pulau Pinang dan jumlah kanak-kanak yang berdaftar adalah seramai 6,327 orang. Pecahan Tabika KEMAS (sehingga 30 April 2018) mengikut daerah adalah seperti di **Lampiran A**.
- (b) Pencapaian prestasi Tabika KEMAS dari segi akademik pada tahun 2017 adalah seperti berikut:

Bil.	Subjek	Target (%)	Pencapaian(%)
1.	Bahasa Melayu	80	86
2.	Bahasa Inggeris	70	68
3.	Matematik	80	80

Manakala pencapaian dalam kokurikulum Sepadu Pra Sekolah Kebangsaan (KSPSK) adalah pada tahap 70% bagi tempoh Januari hingga Jun 2018 di mana sasaran yang ditetapkan oleh ibu pejabat KEMAS Malaysia adalah pada tahap 80% bagi tempoh Januari hingga Disember 2018.

Rancangan jangka pendek oleh TABIKA KEMAS Pulau Pinang adalah memfokus pencapaian sasaran yang ditetapkan oleh ibu pejabat KEMAS dan rancangan jangka panjang adalah meningkatkan penguasaan kanak-kanak dalam Bahasa Inggeris. Salah satu punca kelemahan dalam Bahasa Inggeris yang telah dikenal pasti adalah kebanyakan TABIKA KEMAS berada di luar bandar yang mana pertuturan sehari-hari adalah Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris hanya digunakan waktu persekolahan sahaja. TABIKA KEMAS juga mengambil inisiatif memberi kesedaran kepada ibu bapa untuk menggunakan Bahasa Inggeris di rumah.